

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sektor perladangan dan pembinaan telah menghadapi kekurangan tenaga kerja secara drastik setelah pandemik wabak COVID-19. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Kerajaan telah membekukan pengambilan pekerja asing baharu mengambil kira penularan wabak pandemik COVID-19. Kerajaan juga sedang mengambil pendekatan “*all out*” bagi memastikan pencari kerja warganegara diutamakan dalam pasaran pekerjaan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran.

2. Bagi membantu industri khususnya sektor perladangan dan pembinaan yang memerlukan tenaga kerja, Kerajaan bermula 10 Jun 2020 telah melaksanakan program pertukaran majikan bagi membolehkan majikan yang tidak dapat meneruskan penggajian pekerja asing mereka supaya menyerahkan pekerja-pekerja tersebut kepada majikan baharu sama ada dalam sektor yang sama atau sektor yang berlainan. Proses ini dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri. Selain itu, semua Agensi Kawal Selia turut diwajibkan merancang dan melaksanakan pelan penggantian (*exit strategy*) bagi memastikan sektor-sektor berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan mewujudkan pekerjaan yang memerlukan kemahiran. Antaranya seperti menekankan penggunaan kaedah pembinaan *Industrialised Building System* (IBS).

3. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang meneliti pelbagai aspek dalam menambah baik pengurusan pengambilan pekerja asing secara holistik dan akan memaklumkan dasar untuk mengoptimumkan penglibatan pekerja warga asing dalam negara.

Sekian, terima kasih.